

Pulihara ekosistem marin elak penyu terancam

BH 28/10/2022 m' : 13

Rozita Alias,
Universiti
Malaysia
Terengganu

Kita kerap dikejutkan dengan kematian penyu di perairan Terengganu yang semakin menjadi-jadi. Saban hari ada sahaja berita kematian penyu dilaporkan dan kebanyakannya adalah spesies penyu Agar.

Sepanjang Januari hingga September tahun ini dianggarkan 70 kematian penyu dicatatkan. Apa yang menyedihkan, hasil laporan kematian penyu ini turut membabitkan perbuatan khianat dan kerakusan manusia.

Menurut laporan media pada 21 Julai 2022 seekor penyu Agar betina mati dengan kesan kelar di bahagian leher di perairan Pulau Kapas, Marang dipercayai dibunuh, manakala laporan pada 23 Julai 2022 pula mengatakan terdapat batu bata yang diikat pada bahagian kepala dan kaki penyu. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa terdapat perbuatan khianat kepada spesies ini dan kita tidak boleh hanya berdiam diri dengan situasi sebegini.

Bagi Universiti Malaysia Terengganu (UMT), populasi penyu perlu dilindungi. Justeru, UMT mewujudkan Stesen Penyelidikan Alami Penyu, Chagar Hutang yang kini diselia oleh Profesor Madya Dr Mohd Uzair Rusli. Stesen ini menjalankan program pemuliharaan, pemeliharaan, kajian serta pelbagai aktiviti akademik berkaitan penyu bermula sejak 1998.

Stesen berkenaan boleh menempatkan kira-kira 20 orang pada satu-satu masa. Mereka yang tinggal di situ, termasuk renjer penyu; penyelidik, pelatih konservasi dan sukarelawan yang memantau ak-

tiviti persarangan penyu yang berlaku pada waktu malam

Sejak 25 tahun lalu, penjagaan rapi pantai Chagar Hutang semakin menampakkan hasil apabila jumlah penyu yang mendarat dan bersarang menunjukkan angka positif saban tahun.

Musim penyu bertelur

Kemuncak musim penyu bertelur adalah dari Mei hingga Julai setiap tahun. Pada musim ini, penyu akan naik ke daratan dan memilih lokasi sesuai untuk bertelur seterusnya kembali semula ke habitatnya.

Santuari Penyu Chagar Hutang terletak di ba-



hagian utara Pulau Redang adalah tempat pendaratan utama penyu Agar dan penyu Karah. Ia adalah antara pantai persarangan yang penting di Pulau Redang, dengan jumlah sarang antara 1,200 hingga 2,000 setiap tahun. Pantai ini turut mencatatkan pendaratan penyu untuk bertelur yang paling padat di Semenanjung.

Santuari Penyu Chagar Hutang ialah teluk terpencil dan terlindung yang dikelilingi tebing berbatu.

Kehadiran penyu di pulau Terengganu menjadi daya tarikan pelancong dalam dan luar negara. Menyedari keadaan itu, kerajaan negeri memberi fokus utama dalam aktiviti pemuliharaan penyu.

Dalam memastikan populasi penyu kekal signifikan, pendedahan penjagaan ekosistem marin turut diberikan kepada kanak-kanak. Selain itu, lebih banyak pengetahuan perlu dikongsi dengan orang awam. Hal ini membantu memberi kesedaran, selain mungkin ada yang tampil menjadi sukarelawan.

Dalam konteks ini, sukarelawan adalah tulang belakang mengekalkan projek pemuliharaan penyu di Santuari Penyu Chagar Hutang, Pulau Redang, Terengganu sejak 1998. Ia ditubuhkan untuk memberi bantuan dan pemantauan jangka panjang, pernandaan, pengeraman telur, penyelidikan dan pemuliharaan penyu. Program ini memberi peluang kepada masyarakat di seluruh dunia untuk merasai dan mendekati haiwan purba yang cantik lagi unik ini.